

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

SPW202 - Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan semuanya: SATU dari Bahagian A dan DUA dari Bahagian B

BAHAGIAN A

1. Jawab semua soalan yang berikut:

- (a) Ulaskan prinsip “kedaulatan negara”. Selepas itu, bincangkan bagaimana sesebuah negara boleh menggunakan prinsip itu untuk menghalang intervensi kemanusiaan. Apakah cadangan-cadangan Nancy Arnison untuk memastikan bahawa ini tidak akan berlaku.

[25 Markah]

- (b) Apakah “hak-hak asasi manusia”? Ulaskan kontroversi yang muncul mengenai ciri “universal” dalam Perisyiharan Sejagat Hak-Hak Asasi Manusia.

[25 Markah]

- (c) Apakah maksud “Orde Dunia Baru” mengikut golongan “realis” dan “liberal”. Satu “Orde Dunia Baru” sudah wujud atau tidak selepas tamatnya Perang Dingin? Rujuklah kepada hujah-hujah Joseph Nye dan Richard Falk dalam jawapan anda.

[25 Markah]

- (d) Kategorikan aktor-aktor antarabangsa kepada kategori-kategori tertentu dan berikan ciri-ciri setiap kategori aktor tersebut.

[25 Markah]

...2/-

2. Jawab semua soalan yang berikut:

(a) Jessica T. Mathews menghujahkan bahawa konsep “keselamatan nasional” harus didefinisikan semula. Apakah alasan-alasan beliau?

[25 Markah]

(b) Kenapa D. Ollapally menghujahkan bahawa tamatnya Perang Dingin tidak membawa banyak manfaat kepada negara-negara Selatan?

[25 Markah]

(c) Berikan penganalisaan Rita Jalali dan Seymour Martin Lipset tentang konflik ras dan etnik sebagai satu cabaran terhadap dunia.

[25 Markah]

(d) Kenapa sistem antarabangsa moden dikatakan berciri “anarki”?

[25 Markah]

BAHAGIAN B

3. (i) Apakah maksud “dasar luar”?
(ii) Ulaskan DUA cara untuk mengkategorikan matlamat-matlamat dasar luar.
(iii) Bincangkan TIGA jenis alat dasar luar.
(iv) Menurut James Rosenau, apakah sumber-sumber dasar luar?
(v) Berikan penganalisaan David Forsythe tentang dasar luar Amerika Syarikat.

[100 Markah]

4. (i) Ulaskan satu rangka penganalisaan bagi menkaji konflik.
(ii) Apakah cara-cara utama bagi menyelesaikan konflik secara aman?
(iii) Apakah perang?
(iv) Apakah perbezaan-perbezaan antara perang total dan perang terhad?
(v) Bincangkan asal-usul perang di bekas Yugoslavia
(vi) Bincangkan intervensi antarabangsa dalam perang tersebut.

[100 Markah]

...3/-

5. (i) Apakah "perlumbaan senjata" dan "penyibaran nukliar"?
- (ii) Bincangkan proses perlumbaan senjata di kawasan Asia Timur.
- (iii) Bandingkan proses penyibaran nukliar sepanjang Perang Dingin dengan proses yang berlaku selepas keruntuhan U.S.S.R.
- (iv) Nilaikan keberkesanan usaha-usaha untuk mengawal penyibaran nukliar.
- (v) Kenapa beberapa regim antarabangsa yang mengawal penyibaran nukliar dikatakan "tidak adil"?

[100 Markah]

6. (i) Ulaskan tanggungjawab-tanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam memelihara keamanan dan keselamatan dunia.
- (ii) Masyarakat antarabangsa mengharap bahawa PBB akan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab itu dengan lebih berkesan selepas tamatnya Perang Dingin. Kenapa?
- (iii) Sejauh manakah harapan itu telah dipenuhi? Berikan hujah-hujah dan rujuk kepada contoh-contoh sebenar untuk menyokong pendapat anda.
- (iv) Bincangkan cadangan-cadangan bagi reformasi PBB.

[100 Markah]

- oo o0o oo -

